



SITUASI TERKINI JANGKITAN *CORONAVIRUS* BARU (2019-*NCOV*) DAN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan Coronavirus Baru (2019 n-CoV) di China, peringkat serantau dan global. Sebanyak **7,711 kes telah disahkan** dijangkiti *coronavirus* baru (2019-nCoV) di 31 wilayah di China; 1,370 orang daripadanya berada di dalam keadaan yang serius dan sedang dirawat di hospital manakala 170 orang lagi telah meninggal dunia. Jumlah ini juga termasuk kes-kes yang telah disahkan di luar *mainland China* iaitu Hong Kong (10), Macau (7) dan Taiwan (8).
2. Beberapa kes jangkitan virus tersebut juga telah disahkan di beberapa buah negara seperti berikut:
 - i) Thailand (14 kes)
 - ii) Jepun (7 Kes)
 - iii) Korea Selatan (4 kes)
 - iv) Amerika Syariakt (5 kes)
 - v) Singapura (10 kes)
 - vi) Vietnam (2 kes)
 - vii) Nepal (1 kes)
 - viii) Peranchis (3 kes)
 - ix) Australia (5 kes)
 - x) Malaysia (8 kes)
 - xi) Cambodia (1 Kes)
 - xii) Sri Lanka (1 kes)
 - xiii) Kanada (2 kes)
 - xiv) German (4 kes)
 - xv) United Arab Emirates (4 kes)
 - xvi) Filipina (1 kes)
3. Kerajaan China telah memperketatkan lagi langkah-langkah pengawalan di China di mana pada 27 Januari 2020, Kerajaan China telah menyekat kumpulan-kumpulan pelancong dari negara itu daripada berkunjung ke luar negara. Berikutan dengan itu, jumlah kedatangan pelancong China ke Negara Brunei Darussalam telah didapati turun secara mendadak bermula pada 27 Januari 2020.

4. **Alhamdulillah setakat ini, tidak ada kes jangkitan pernafasan akut yang teruk dikesan di Negara Brunei Darussalam, yang berkaitan dengan jangkitan Coronavirus Baru (2019 n-CoV).** Dalam sama-sama meningkatkan lagi kewaspadaan dan langkah berjaga-jaga di Negara ini, Kementerian Pendidikan telah mengambil langkah bagi penuntut-penuntut yang berada di China dan sudah kembali ke Negara Brunei Darussalam telah dinasihatkan untuk menjalani *self isolation* selama 14 hari. Manakala pekerja-pekerja Heng-Yi seramai 39 orang yang berada di Pulau Muara Besar yang baru balik daripada negara China telah juga menjalani *self isolation* selama 14 hari.
5. Untuk makluman, sejumlah 73 penuntut Negara Brunei Darussalam menuntut di China dan pada masa ini, hanya 31 orang daripadanya masih berada di sana. InshaAllah, 29 orang daripada mereka akan kembali ke Negara Brunei Darussalam pada hari Jumaat, 31 Januari 2020. Kementerian Hal Ehlwal Luar Negeri akan berusaha untuk menghantar balik 2 orang lagi dalam masa terdekat ini.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga akan melaksanakan beberapa langkah-langkah tambahan seperti berikut:
 - a. Mana-mana pelawat dari Wilayah Hubei atau sesiapa yang memegang paspot Republik Rakyat China yang dikeluarkan di Hubei tidak akan dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam;
 - b. Sesiapa yang telah pergi ke Wilayah Hubei dalam masa 14 hari sebelum tiba ke Negara Brunei Darussalam, tidak akan dibenarkan memasuki negara ini, kecuali rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam;
 - c. Sesiapa yang telah berada di negara China dalam masa 14 hari sebelum tiba di Negara Brunei Darussalam dan dibenarkan masuk ke Negara ini akan dikehendaki untuk menjalani *self-isolation* selama 14 hari;
 - d. Rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang sedang berada di China (tanpa mengira wilayah) boleh dibenarkan untuk masuk kembali ke Negara Brunei Darussalam. Mereka akan dikehendaki untuk menjalani *self-isolation* selama 14 hari. Dalam pada itu, mana-mana rakyat atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang sakit dan sedang berada di China adalah dinasihatkan untuk menanggungkan kepulangan mereka ke negara ini dan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan pihak Kedutaan Negara Brunei Darussalam di China untuk nasihat selanjutnya; dan

- e. Kementerian Kesihatan akan mengeluarkan nasihat perjalanan bagi penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu melarang sebarang perjalanan ke Wilayah Hubei dan untuk menanggungkan perjalanan yang tidak penting ke China.
7. Kesemua langkah-langkah tambahan di atas adalah **bersifat sementara sahaja** dan akan diteliti dari masa ke semasa.
8. Sebagai langkah berjaga-jaga, orang ramai adalah juga dinasihatkan dan diingatkan untuk mengamalkan amalan kesihatan yang baik pada setiap masa:
- Elakkan dari menyentuh haiwan hidup yang sakit termasuk ternakan dan burung;
 - Elakkan dari memakan daging yang mentah atau tidak dimasak dengan sempurna;
 - Elakkan dari mendekati orang yang sakit, kurang sihat atau menunjukkan tanda-tanda penyakit seperti demam panas, batuk atau sesak nafas;
 - Mengekalkan tahap kebersihan diri;
 - Kerap membasuh tangan dengan air yang bersih dan sabun (terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau selepas batuk atau bersin);
 - Memakai penutup muka (*mask*) jika awda mempunyai tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk atau selsema;
 - Menutup mulut dengan tisu ketika batuk atau bersin, dan membuang tisu itu ke dalam tong sampah dengan segera; dan
 - Mendapatkan rawatan perubatan dengan segera jika awda merasa kurang sihat.
9. Kementerian Kesihatan akan terus memastikan tahap kesiapsiagaan, dan bekerjasama dengan pihak W.H.O serta negara-negara jiran bagi mengawal keadaan jangkitan Coronavirus Baru (2019 n-CoV). Dalam hal ini, orang ramai di Negara ini adalah dinasihatkan supaya tidak merasa cemas dan panik. Kementerian Kesihatan juga akan memaklumkan orang ramai dari masa ke masa mengenai sebarang perkembangan terkini dan apa jua langkah-langkah yang perlu dilaksanakan. Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 atau melalui laman sesawang www.moh.gov.bn.

-TAMAT-

Tarikh : 5 Jamadilakhir 1441 / 30 Januari 2020
Rujukan : KK/PR/2